Senarai Semak Tentang Autisme Dalam Kal Kanak-kanak Serta Tindakan Susulan (M-CHAT-R/F)™ yang Ditambah Baik

Diana L. Robins, Ph.D. Deborah Fein, Ph.D. Marianne Barton, Ph.D.

Penghargaan: Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kumpulan Kajian M-CHAT di Sepanyol yang telah menghasilkan carta alir untuk digunakan dalam dokumen ini.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mchatscreen.com atau hubungi Diana Robins di mchatscreen2009@gmail.com

Nota. Versi ini mempunyai beberapa pembetulan kecil. 10 Ogos, 2018

© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

Kebenaran untuk menggunakan M-CHAT-R/F™

Senarai Semak Tentang Autisme Dalam Kal Kanak-kanak Serta Tindakan Susulan (M-CHAT-R/F; Robins, Fein, & Barton, 2009) yang telah ditambah baik ini adalah 2 peringkat kaedah saringan laporan ibu bapa bagi mengenal pasti risiko *Autism Spectrum Disorder* (ASD). M-CHAT-R/F boleh dimuat turun secara percuma untuk tujuan klinikal, kajian dan pendidikan. Muat turun M-CHAT-R/F serta bahan-bahan yang berkaitan telah mendapat kebenaran www.mchatscreen.com.

M-CHAT-R/F memiliki hak ciptanya tersendiri dan penggunaannya haruslah mematuhi garis panduan berikut:

(1) Cetakan/ semula/Penghasilan semula M-CHAT-R perlu disertakan dengan hak cipta di bahagian bawah (2009 Robins, Fein, & Barton). Sebarang perubahan pada item, arahan dan susunan item tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.
(2) M-CHART-R haruslah digunakan secara menyeluruh. Bukti menunjukkan bahawa sekiranya sebahagian sahaja daripada item yang digunakan, ia tidak memadai untuk merangkumi keseluruhan sifat psikometrik.
(3) Pihak yang berhasrat untuk membuat salinan M-CHART_R/F secara bercetak (dalam bentuk buku atau artikel) atau secara elektronik untuk digunakan oleh pihak lain (sebagai sebahagian daripada rekod perubatan digital atau pakej perisian yang lain) perlu menghubungi Diana Robins bagi mendapatkan kebenaran (mchatscreen2009@gmail.com).
(4) Anda dialu-alukan sekiranya anda adalah pengamal perubatan yang berhasrat untuk menggabungkan soalan-soalan M-CHAT-R pada peringkat pertama bersama rekod perubatan elektronik anda. Walau bagaimanapun, jika rekod perubatan elektronik ini ingin digunakan untuk tujuan lain, sila hubungi Diana Robins bagi mendapatkan persetujuan berkenaan perlesenan.

Arahan Penggunaan

M-CHAT-R boleh diguna pakai bagi tujuan lawatan penjagaan kanak-kanak. Ia juga boleh dimanfaatkan oleh pakar dan golongan profesional untuk menilai risiko ASD. Matlamat utama M-CHAT-R adalah untuk memaksimumkan sensitiviti atau mengesan sebanyak mungkin kes ASD. Oleh itu, kadar positif yang palsu adalah tinggi atau dengan erti kata lain, tidak semua kanak-kanak yang diberi markah tinggi untuk risiko sebenarnya menghadapi ASD.

Untuk menangani isu ini, kami telah menghasilkan soalan-soalan Susulan (M-CHART-R/F). Walau bagaimanapun, pengguna harus sedar bahawa walaupun dengan soalan Susulan berkenaan, masih ramai kanak-kanak yang disahkan positif menerusi M-CHAT-R tidak akan didiagnosis dengan ASD. Walaupun begitu, kanak-kanak ini amat terdedah kepada gangguan dari segi perkemb. Justeru itu, penilaian perlu dilakukan terhadap kanak-kanak yang dikenal pasti positif. Markah untuk M-CHART-R boleh diperolehi dalam tempoh kurang daripada dua minit. Arahan untuk pemarkahan boleh dimuat turun dari http://www.mchatscreen.com. Dokumen-dokumen yang berkaitan juga boleh dimuat turun di laman sesawang berkenaan.

© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

Algoritma Pemarkahan

Bagi kesemua item kecuali 2, 5 dan 12, maklum balas “TIDAK” menandakan risiko ASD; untuk item 2, 5 dan 12 maklum balas “YA” menandakan risiko ASD. Algoritma berikut memaksimumkan sifat-sifat psikometrik M-CHAT-R:

RISIKO RENDAH: **Markah keseluruhan 0-2;** sekiranya kanak-kanak berkenaan berusia kurang daripada 24 bulan, saringan sekali lagi perlu dilakukan apabila berusia dua tahun. Tiada tindakan susulan diperlukan melainkan pemerhatian dapat mengesan risiko ASD.

RISIKO SEDERHANA: **Markah keseluruhan 3-7**; Ulangi menjawab soalan Susulan (peringkat kedua M-CHAT-R/F) untuk memperolehi maklumat tambahan berkenaan maklum balas risiko. Sekiranya markah M-CHART-R/F kekal pada 2 atau lebih, kanak-kanak tersebut dianggap positif.. Tindakan yang diperlukan: rujuk kanak-kanak berkenaan untuk penilaian diagnostik dan kelayakan bagi tujuan intervensi awal. Sekiranya markah yang diperolehi adalah 0-1, kanak-kanak itu dianggap negatif. Tiada tindakan susulan yang diperlukan melainkan pemerhatian dapat mengesan risiko ASD. Kanak-kanak berkenaan juga perlu disaring semula sewaktu lawatan penjagaan dilakukan pada masa hadapan.

RISIKO TINGGI: **Markah keseluruhan 8-20;** Soalan Susulan tidak perlu diulang, sebaliknya boleh dirujuk terus untuk penilaian diagnostik dan kelayakan bagi tujuan intervensi awal.

© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

M-CHAT-R ™

Sila jawab soalan-soalan berikut yang berkaitan dengan anak anda. Cuba bayangkan perlakuan anak anda. Jika anda pernah melihat anak anda melakukan perbuatan tersebut beberapa kali, tetapi anak anda tidak sering melakukannya, sila jawab **Tidak**. Bulatkan jawapan **ya** atau **tidak** untuk setiap soalan. Terima kasih.

1. Sekiranya anda menuding ke arah sesuatu di bilik, adakah anak anda memandang ke arahnya? (**CONTOHNYA,** sekiranya anda menuding ke arah mainan atau haiwan, adakah anak anda memandang ke arah mainan atau haiwan tersebut?)	Ya	Tidak
2. Pernahkah anda terfikir bahawa anak anda mungkin menghadapi masalah pendengaran?	Ya	Tidak
3. Adakah anak anda gemar berolok-olok sambil bermain? (**CONTOHNYA,** gemar berolok-olok minum dari cawan kosong, olok-olok bercakap melalui telefon atau olok-olok menyuapkan anak patung atau mainannya?)	Ya	Tidak
4. Adakah anak anda gemar memanjat? (**CONTOHNYA,** perabot, peralatan taman permainan, atau tangga)	Ya	Tidak
5. Adakah anak anda gemar mengerakkan jarinya pada mata dengan cara yang pelik? (**CONTOHNYA,** kerap menggerak-gerakkan jari dekat pada matanya?)	Ya	Tidak
6. Adakah anak anda meminta sesuatu dengan menuding satu jari sahaja? (**CONTOHNYA,** menuding ke arah makanan atau mainan yang tidak dapat dicapainya?)	Ya	Tidak
7. Adakah anak anda menuding dengan satu jari sahaja apabila menunjuk ke arah sesuatu yang menarik minatnya? (**CONTOHNYA,** apabila menunjuk ke arah kapal terbang di langit atau lori di jalan raya)	Ya	Tidak
8. Adakah anak anda berminat dengan kanak-kanak lain? (**CONTOHNYA,** adakah anak anda memerhati, senyum atau menuju ke arah kanak-kanak lain?)	Ya	Tidak
9. Adakah anak anda gemar menunjukkan sesuatu dengan membawa dan menunjukkannya kepada anda- bukan untuk meminta bantuan, tetapi sekadar ingin berkongsi? (**CONTOHNYA,** bunga, anak patung atau mainan)	Ya	Tidak
10. Adakah anak anda bertindak balas apabila namanya dipanggil? (**CONTOHNYA,** adakah dia mendongak, mengomel atau berhenti melakukan sesuatu apabila namanya dipanggil?)	Ya	Tidak
11. Adakah anak anda membalas senyuman anda?	Ya	Tidak
12. Adakah anak anda terganggu dengan bunyi bising di rumah? (**CONTOHNYA,** adakah dia menjerit atau menangis apabila mendengar bunyi penyedut vakum atau muzik yang kuat?)	Ya	Tidak
13. Adakah anak anda mampu berjalan?	Ya	Tidak
14. Adakah anak anda memerhatikan anda sewaktu anda bercakap serta bermain dengannya atau memakaikannya baju?	Ya	Tidak

© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

15. Adakah anak anda cuba meniru perbuatan anda? (**CONTOHNYA,** melambai, bertepuk atau membuat sebarang bunyi?)	Ya	Tidak
16. Apabila anda berpaling ke arah sesuatu, adakah anak anda turut berpaling sama?	Ya	Tidak
17. Adakah anak anda cuba menarik perhatian anda untuk melihat ke arahnya? (**CONTOHNYA,** adakah dia melihat ke arah anda untuk mendapatkan pujian, atau berkata "tengoklah, ibu/ayah"?)	Ya	Tidak
18. Adakah anak anda berupaya memahami arahan anda? (**CONTOHNYA,** tanpa anda menuding jari, dapatkah dia memahami arahan seperti "letakkan buku di atas kerusi" atau "ambilkan ibu/ayah selimut itu"?)	Ya	Tidak
19. Apabila berdepan dengan sesuatu yang baharu, adakah anak anda melihat ke arah anda untuk melihat reaksi anda? (**CONTOHNYA,** apabila dia mendengar bunyi yang pelik atau melihat mainan baharu, adakah dia akan merenung wajah anda?)	Ya	Tidak
20. Adakah anak anda gemar pada aktiviti-aktiviti yang melibatkan pergerakan? **(CONTOHNYA,** diayun atau dibuai sambil dipangku?)	Ya	Tidak

© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

M-CHAT-R (M-CHAT-R/F)™ Susulan

Kebenaran Penggunaan

Senarai Semak Tentang Autisme Dalam Kal Kanak-kanak Serta Tindakan Susulan (M-CHAT-R/F;Robins, Fein & Barton, 2009) yang ditambah baik ini dihasilkan untuk diguna bersama M-CHAT-R. M-CHAT-R/F boleh dimuat turun dari www.mchatscreen.com.

M-CHAT-R/F adalah instrumen yang dihakciptakan, dan penggunaannya terhad kepada penulis serta pemegang hak ciptanya sahaja. M-CHAT-R dan M-CHAT-R/F boleh digunakan untuk tujuan klinikal, penyelidikan serta pendidikan. Walaupun ia boleh digunakan secara percuma bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan, ia masih tertakluk kepada undang-undang hak cipta dan bukannya sumber terbuka. Pihak-pihak yang ingin menggunakan M-CHAT-R/F untuk tujuan komersial atau secara elektronik perlu menghubungi Diana L. Robins di mchatscreen2009@gmail.com bagi mendapatkan kebenaran.

Arahan Penggunaan

M-CHART-R/F dihasilkan untuk diguna bersama M-CHART-R; M-CHAT-R boleh digunakan untuk menyaring kanak-kanak yang berusia antara 16 hingga 30 bulan, bagi menilai risiko A*utism Spectrum Disorder* (ASD). Harus diingat bahawa walaupun dengan soalan Susulan, sejumlah besar kanak-kanak yang gagal ujian M-CHART-R tidak didiagnosis dengan ASD. Walau bagaimanapun, kanak-kanak ini berisiko mengalami gangguan perkemb atau lewat berkembang. Oleh itu, tindakan susulan terhadap kanak-kanak yang disaring sebagai positif adalah disarankan.

Sebaik sahaja ibu bapa selesai melengkapkan M-CHART-R, markah perlu dihitung berpandukan arahan. Sekiranya keputusan adalah positif, pilih item soalan Susulan berdasarkan item yang gagal pada M-CHART-R. Hanya item yang gagal pada asalnya sahaja yang perlu diambil kira untuk temu duga.

Setiap muka surat untuk temu duga berhubung kait dengan setiap item pada M-CHART-R. Format pada carta alir harus diikuti dengan menanyakan soalan sehingga jawapan LULUS atau GAGAL diperolehi. Ibu bapa boleh memberikan “mungkin” sebagai jawapan semasa temu duga. Seandainya ibu bapa memberikan jawapan “mungkin” sewaktu ditemu duga, tanyalah sama ada jawapan yang kerap diberi adalah “ya” atau “tidak” dan teruskan temu duga berdasarkan maklum balas yang diberi. Pada soalan yang membenarkan maklum balas “lain-lain”, penemu duga perlu menggunakan budi bicaranya untuk menentukan sama ada maklum balas itu dilakukan secara serius atau tidak.

Markah maklum balas bagi setiap item dikira pada Borang Pemarkahan M-CHART-R/F (yang mempunyai item yang serupa dengan M-CHART-R, kecuali ru ‘Ya/Tidak’ digantikan dengan Lulus/Gagal). Saringan dianggap positif sekiranya temu duga berkenaan mengesan kanak-kanak tersebut gagal dalam mana-mana dua item dalam soalan Susulan. Apabila disaring sebagai positif melalui M-CHART-R/F, kanak-kanak tersebut digalakkan untuk dirujuk bagi langkah-langkah intervensi awal dan ujian diagnostik secepat mungkin. Sekiranya ibu bapa atau penjaga berasa bimbang tentang ASD, kanak-kanak tersebut perlu dirujuk terus untuk penilaian tanpa mengambil kira markah yang diperolehi menerusi M-CHART-R atau M-CHART-R/F.

© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

Borang Pemarkahan M-CHAT-R Follow-Up™

Perhatian: Ya/Tidak telah diganti dengan Lulus/Gagal

1. Apabila anda menuding ke arah sesuatu di bilik, adakah anak anda akan menoleh ke arahnya? (**CONTOHNYA**, jika anda menuding ke arah sesuatu permainan atau haiwan, adakah anak anda akan menoleh ke arah itu?)	Lulus	Gagal
2. Pernahkah anda terfikir bahawa anak anda menghadapi masalah pendengaran?	Lulus	Gagal
3. Adakah anak anda gemar berolok-olok sambil bermain? (**CONTOHNYA**, berolok-olok minum dari gelas kosong, bercakap melalui telefon atau menyuap anak patung?)	Lulus	Gagal
4. Adakah anak anda gemar memanjat? (**CONTOHNYA**, perabot, peralatan taman permainan, atau tangga)	Lulus	Gagal
5. Adakah anak anda ada membuat pergerakan jari yang di luar kebiasaan di sekitar mata? (**CONTOHNYA**, adakah dia gemar menguit-nguit jarinya pada mata?)	Lulus	Gagal
6. Adakah anak anda menuding dengan satu jari apabila meminta sesuatu atau meminta bantuan? (**CONTOHNYA**, menunjuk ke arah makanan atau mainan yang tidak dapat dicapai)	Lulus	Gagal
7. Adakah anak anda menuding dengan satu jari hanya untuk menunjukkan anda sesuatu yang menarik minatnya? (**CONTOHNYA**, menuding ke arah kapal terbang di langit atau lori di jalan raya)	Lulus	Gagal
8. Adakah anak anda berminat dengan kanak-kanak lain? (**CONTOHNYA**, adakah anak anda memerhati, senyum atau pergi ke arah kanak-kanak lain?)	Lulus	Gagal
9. Adakah anak anda menunjukkan sesuatu kepada anda dengan memegang atau membawanya ke arah anda – bukan untuk meminta bantuan, tetapi sekadar berkongsi? **CONTOHNYA,** menunjukkan bunga, anak patung atau lori mainan)	Lulus	Gagal
10. Adakah anak anda bertindak balas apabila anda memanggil namanya? (**CONTOHNYA**, adakah dia mendongak, mengomel atau berhenti melakukan sesuatu apabila namanya dipanggil?)	Lulus	Gagal
11. Apabila anda senyum kepada anak anda, adakah anak anda akan membalas senyuman anda?	Lulus	Gagal
12. Adakah anak anda terganggu dengan bunyi bising? (**CONTOHNYA**, pembersih vakum atau muzik yang kuat?	Lulus	Gagal
13. Adakah anak anda mampu berjalan?	Lulus	Gagal
14. Adakah anak anda merenung ke arah anda apabila anda bercakap dengannya, bermain dengannya atau menyalin pakaiannya?	Lulus	Gagal
15. Adakah anak anda meniru perlakuan anda? (**CONTOHNYA**, melambai, bertepuk t dan mebuat bunyi ganji)	Lulus	Gagal
16. Sekiranya anda berpaling untuk melihat sesuatu, adakah anak anda turut berpaling untuk melihatnya?	Lulus	Gagal
17. Adakah anak anda cuba menarik perhatian anda untuk memerhatikannya?	Lulus	Gagal


© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

(**CONTOHNYA**, adakah anak anda melihat anda untuk mendapat pujian, atau berkata “sinilah” atau “tengoklah saya”)		
18. Adakah anak anda memahami arahan anda? (**CONTOHNYA**, tanpa anda menuding jari, adakah anak anda faham arahan seperti “letakkan buku di atas kerusi” atau “ ambilkan selimut itu”)	Lulus	Gagal
19. Apabila berdepan dengan perkara yang baharu, adakah anak anda melihat ke arah anda untuk melihat reaksi anda? (**CONTOHNYA**, jika terdengar bunyi ganjil atau melihat mainan baharu, adakah dia akan melihat ke arah anda?	Lulus	Gagal
20. Adakah anak anda menggemari aktiviti yang melibatkan pergerakan? (**CONTOHNYA**, diayun atau dibuai)	Lulus	Gagal

Markah Keseluruhan: _____


© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

1. Sekiranya anda menuding ke arah sesuatu di bilik, adakah _____akan melihat ke arahnya?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

2. Anda menyatakan bahawa anda mengesyaki anak anda mengalami masalah pendengaran. Apakah yang membuatkan anda berasa begitu?




TANYAKAN JUGA KEPADA SEMUA KANAK-KANAK:



Apakah keputusan ujian pendengaran tersebut? *(pilih satu):*
- Jarak pendengaran adalah normal
- Pendengaran adalah di bawah tahap normal
- Keputusannya tidak menentu


© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

3. Adakah_____gemar berolok-olok sambil bermain?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

4. Adakah _____ gemar memanjat?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

4. Adakah _____ gemar memanjat?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

6. Adakah _____ menuding dengan satu jari apabila meminta sesuatu atau meminta bantuan?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

7. *** Sekiranya penemu duga cuma bertanya soalan #6, mula dari sini: Kita cuma berbincang tentang menuding jari untuk *meminta* sesuatu, TANYAKAN SEMUA □**
Adakah_____ menuding dengan satu jari hanya untuk menunjukkan anda sesuatu yang menarik ?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

8. Adakah_____ berminat dengan kanak-kanak lain?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

9. Adakah _____ menunjukkan objek kepada anda dengan membawa anda ke arahnya atau memegangnya untuk anda lihat? Bukan sekadar untuk meminta bantuan, tetapi juga untuk berkongsi?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

10. Adakah _____ bertindak balas apabila anda memanggil namanya?



© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

11. Apabila anda senyum kepada _____, adakah dia akan membalas senyuman anda?



© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

12. Adakah _____ terganggu dengan bunyi bising?

Ya

Tidak → **LULUS**

Adakah anak anda memberikan tindak balas negatif terhadap…

Mesin basuh?		
Bayi menangis?	Ya	Tidak
Pencuci vakum?	Ya	Tidak
Pengering rambut?	Ya	Tidak
Lalu lintas?	Ya	Tidak
Bayi menjerit?	Ya	Tidak
Muzik yang kuat?	Ya	Tidak
Bunyi telefon/loceng pintu?	Ya	Tidak
Tempat yang bising seperti pasaraya	Ya	Tidak
atau restoran?	Ya	Tidak
Lain-lain (nyatakan):	Ya	Tidak

_____

_____

Ya untuk satu atau tiada langsung pernyataan yang sesuai → **LULUS**

Ya untuk dua atau lebih pernyataan yang sesuai

Bagaimanakah anak anda bertindak balas terhadap bunyi bising? *(Sekiranya ibu bapa tidak dapat memberikan contoh LULUS seperti di bawah, sila tanya secara individu*)

Adakah anak anda…
(berikut adalah tindak balas-tindak balas yang LULUS)

Menutup telinga dengan tenang?	Ya	Tidak
Memberitahu anda bahawa dia tidak sukakan bunyi bising tersebut?	Ya	Tidak

Adakah anak anda…
(berikut adalah tindak balas-tindak balas yang GAGAL)

Menjerit?	Ya	Tidak
Menangis?	Ya	Tidak
Menutup telinga kerana begitu terganggu?	Ya	Tidak

Ya hanya untuk contoh-contoh **LULUS.** → **LULUS**


Ya untuk contoh-contoh **LULUS** dan **GAGAL.** → Yang manakah paling kerap beliau lakukan?

- Tindak balas **LULUS** → **LULUS**
- Tindak balas **GAGAL**

Ya hanya untuk contoh-contoh **GAGAL.** → **GAGAL**


© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

13. Adakah _____ mampu berjalan ?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

14. Adakah _____ merenung ke arah anda apabila anda bercakap dengannya, bermain dengannya atau menyalin pakaiannya?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

15. Adakah _____ cuba meniru perlakuan anda?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

16. Sekiranya anda berpaling untuk melihat sesuatu, adakah _____ turut berpaling untuk melihatnya?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

17. Adakah _____ cuba untuk menarik perhatian anda untuk memerhatikannya?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

18. Adakah_____ memahami arahan anda?




© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

19. Apabila berdepan dengan perkara yang baharu, adakah _____melihat ke arah anda untuk melihat reaksi anda?



© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton

20. Adakah _____ menggemari aktiviti yang melibatkan pergerakan?



© 2009 Diana Robins, Deborah Fein, & Marianne Barton